

## Hayati aspirasi Keluarga Malaysia

Februari 18, 2022



Perdana Menteri terus memupuk semangat Keluarga Malaysia, memacu negara terus maju pada masa hadapan. - Foto hiasan/NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

Aspirasi Keluarga Malaysia, cetusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menampilkan satu dimensi politik baharu bagi Malaysia yang mengetengahkan elemen keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Ia bagi memenuhi satu matlamat, supaya masalah serta isu membekalkan rakyat dan negara ketika ini terus menjadi fokus, keutamaan, dan pertimbangan setiap dasar dan keputusan kerajaan.

Gagasan Keluarga Malaysia, yang usianya menjangkau lebih 100 hari, rakyat melihat ia bukan lagi pendekatan eksklusif, tetapi inklusif.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang diumumkan Perdana Menteri, menjadi pemangkin kepada hala tuju negara untuk tempoh lima tahun akan datang.

Ia direncana dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama, serta mengekalkan kelestarian alam sekitar.

RMK-12 juga satu pelan pembangunan menyeluruh, menampilkan tiga Tema dan empat Pemangkin Dasar, serta 14 Pemacu Perubahan.

Dalam usaha negara mengukuhkan kembali ekonomi dan keyakinan pelabur luar, Perdana Menteri mengadakan siri lawatan kerja ke luar negara, khususnya di negara ASEAN, bermula dengan Indonesia dan diikuti dengan Singapura.

Lawatan ini penting bagi memastikan kerjasama hubungan dua hala terus diperkuuh, selain usaha bersama dapat dilakukan bagi mencari penyelesaian segera terhadap pelbagai isu serantau, termasuklah berkaitan keselamatan perairan, isu pekerjaan, ekonomi serta perdagangan.

Sebagai bapa kepada gagasan Keluarga Malaysia, sikap terbuka yang ditunjukkan Perdana Menteri disenangi ramai pihak dan kini menjadi nadi penting dalam usaha mencapai kembali kestabilan politik yang pernah rapuh sebelum ini.

Selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kesembilan, beliau melakar satu sejarah penting negara apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik antara kerajaan dan Pakatan Harapan (PH).

MoU ini membentuk ruang kerjasama antara kerajaan dan pembangkang dalam mencari titik persamaan bagi menyelesaikan isu yang menghambat rakyat dan negara, khususnya ketika pandemik ini.

Hasil kerjasama itu, Belanjawan 2022 dan RMK-12 diluluskan tanpa undian belah bahagi di Dewan Rakyat, pindaan Perlembagaan Persekutuan dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) mendapat sokongan majoriti dua pertiga.

Pindaan ini menjadi asas penting mengukuhkan autonomi Sabah dan Sarawak, khususnya kedudukan dalam Perlembagaan di samping menunjukkan peranan dua negeri ini sebagai entiti penting.

Kelulusan ini menzahirkan sikap keterbukaan Perdana Menteri mendengar dan menerima pandangan daripada kepimpinan di dua negeri ini, sekali gus menjadi asas penerimaan buat seluruh ahli Parlimen.